

Praktis 1

Soalan 1 hingga 16

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

1. Irwan dan Johari kerap bertengkar _____ kerana tidak sependapat.
A seperti isi dengan kuku
B seperti langit dengan bumi
C seperti anjing dengan kucing
D seperti cincin dengan permata
2. Nasihat Puan Yuni itu _____ kerana langsung tidak dipedulikan oleh Rita.
A seperti mencurah air ke daun keladi
B seperti telur di hujung tanduk
C seperti kera mendapat bunga
D seperti tikus membaiki labu

Soalan 3 berdasarkan gambar di bawah ini.



3. Penduduk Desa Mentari mengamalkan sikap _____ ketika membaiki rumah Tok Anjang yang rosak.
A seperti murai dicabut ekor
B seperti aur dengan tebing
C seperti pinang dibelah dua
D seperti dakwat dengan kertas
4. Walaupun Haziq dan Romi bersaudara, tetapi perangai mereka _____.
A seperti anjing dengan bayang-bayang
B seperti kaca terhempas ke batu
C seperti langit dengan bumi
D seperti isi dengan kuku

5. Jalan menuju ke pusat peranginan di puncak bukit itu bengkok-bengkok _____.
A seperti ular kena palu
B seperti itik pulang petang
C seperti rusa masuk kampung
D seperti katak di bawah tempurung
6. Sarip _____ kerana mengikut sahaja apa-apa arahan Puan Yam.
A seperti aur dengan tebing
B seperti kerbau dicucuk hidung
C seperti tikus membaiki labu
D seperti hujan jatuh ke pasir
7. Nasib Wak Man _____ apabila mewarisi harta pusaka daripada bekas majikannya.
A seperti tikus jatuh ke beras
B seperti anai-anai makan kayu
C seperti ayam berak kapur
D seperti anjing dengan bayang-bayang
8. Pak Hasan mahir membuat pasu sejak sepuluh tahun yang lalu seperti kata peribahasa _____.
A alah bisa tegal biasa
B diam-diam ubi berisi
C ada udang di sebalik batu
D biar titik jangan tumpah
9. Adat istiadat Melayu ini _____ kerana terus dipelihara daripada satu generasi kepada satu generasi.
A hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih
B diam ubi berisi, diam besi berkarat
C biduk berlalu kiambang bertaut
D tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas

Soalan 10 berdasarkan gambar di bawah ini.



10. Setelah kakinya cedera akibat terpijak paku, barulah Sam menyesal kerana tidak memakai selipar. Kata peribahasa, _____.
- A belum duduk sudah berlunjur
B sudah jatuh ditimpa tangga
C nasi sudah menjadi bubur
D sudah terhantuk baru tengadah
11. Kesusahan dan kemiskinan tidak menjadi halangan bagi Akram untuk berjaya. Baginya, _____.
- A sediakan payung sebelum hujan
B sedikit-sedikit, lama-lama jadi bukit
C hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih
D hati gajah sama dilapah, hati kuman sama dicecah
12. Sejak kecil, Anida sudah diajar menabung wang kerana ibu bapanya berpegang pada peribahasa, _____.
- A makin murah makin menawar
B seperti kerbau dicucuk hidung
C tiada rotan, akar pun berguna
D melentur buluh biar dari rebungunya
13. Berkat usahanya yang gigih, Hafiz berjaya memperbaiki keputusan peperiksaannya. Kata peribahasa, _____.
- A berani kerana benar, takut kerana salah
B biar mati anak, jangan mati adat
C belakang parang kalau diasah lagikan tajam
D di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung
14. Encik Sahar menasihati kedua-dua orang anaknya agar berdamai semula kerana _____.
- A usaha tangga kejayaan
B biar lambat asalkan selamat
C air dicencang tiada putus
D bagaimana acuan begitulah kuihnya
15. Malang sekali nasib Amirul. Pagi tadi bajunya kotor terkena lumpur. Petang ini pula tali begnya putus.
- Peribahasa yang sesuai bagi pernyataan di atas ialah _____.
- A burung terbang dipipiskan lada
B alah membeli menang memakai
C sudah jatuh ditimpa tangga
D nasi sudah menjadi bubur
16. Ziyad _____ kerana sering terpinga-pinga apabila orang bercerita tentang isu semasa.
- A bagai katak di bawah tempurung
B bagai anjing dengan bayang-bayang
C bagai gagak pulang ke benua
D bagai si buta kehilangan tongkat

Praktis 2

Tandakan (✓) pada peribahasa yang betul berdasarkan ayat-ayat yang diberikan.

1. Hati Ramlah hancur berkecai apabila dihina oleh ibu tirinya.

bagai dihiris dengan sembilu		bagai telur di hujung tanduk	
------------------------------	--	------------------------------	--

2. Pasangan pengantin yang sedang bersanding itu sangat cantik dan sepadan.

bagai abu di atas tunggul		bagai pinang dibelah dua	
---------------------------	--	--------------------------	--

3. Mak Temah bercakap tanpa henti dengan suara yang sangat kuat.

bagai murai dicabut ekor		bagai kera kena belacan	
--------------------------	--	-------------------------	--

4. Kevin tetap meneruskan larian hingga garisan penamat walaupun kakinya sudah sakit.

alang-alang mandi biar basah		telur di hujung tanduk	
------------------------------	--	------------------------	--

5. Kita hendaklah mematuhi undang-undang dan peraturan di tempat kita tinggal.

di mana ada kemahuan, di situ ada jalan		di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung	
---	--	--	--

6. Setiap hari, Zahara menyimpan baki wang sakunya di dalam tabung. Selepas dua tahun, wang simpanannya berjumlah RM500.

sedikit-sedikit, lama-lama jadi bukit		sehari selembat benang, lama-lama menjadi kain	
---------------------------------------	--	--	--

7. Akibat tamak, Encik Mirza melabur dalam skim cepat kaya. Akhirnya, dia mengalami kerugian.

bagai anjing dengan bayang-bayang		bagai kaca terhempas ke batu	
-----------------------------------	--	------------------------------	--

8. Kita hendaklah beringat-ingat sebelum ditimpa kesusahan dengan membuat persediaan.

burung terbang dipipiskan lada		sediakan payung sebelum hujan	
--------------------------------	--	-------------------------------	--

9. Ezam ditumbuk oleh Zami kerana sikapnya yang suka mengejek orang lain.

kerana mulut badan binasa		ada udang di balik batu	
---------------------------	--	-------------------------	--

10. Setelah berbaik-baik semula, Pak Hasim dan Pak Omar berjanji akan melupakan perselisihan mereka sebelum ini.

duduk sama rendah, berdiri sama tinggi		buang yang keruh, ambil yang jernih	
--	--	-------------------------------------	--

11. Kim Seng tidak pernah menjenguk keluarganya di kampung halamannya semenjak dia berjaya menjadi usahawan terkenal di Kuala Lumpur.

bagai kacang melupakan kulit		bagai si kudung mendapat cincin	
------------------------------	--	---------------------------------	--

12. Aisya gemar membeli barang yang berkualiti walaupun harga barang tersebut mahal.

awal dibuat akhir diingat		alah membeli menang memakai	
---------------------------	--	-----------------------------	--